

07 SEP 2001

Jerman-Lawatan

LAWATAN DR M KE JERMAN PERKUKUH POTENSI KEDUA-DUA NEGARA

Oleh: Khairdzhir Mohd. Yunos

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jerman dari 18 hingga 20 Sept ini akan meningkatkan dan memperkukuhkan potensi-potensi dalam hubungan antara kedua-dua negara, kata seorang diplomat Jerman hari ini.

Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Jerman di sini, Peter Rondorf berkata peluang lawatan itu juga akan digunakan untuk menarik syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) dari Jerman melabur di Malaysia.

Beliau berkata, pelaburan Jerman di Malaysia sekarang ini agak "besar" dan dianggarkan bernilai RM6 bilion dengan 300 syarikat Jerman beroperasi di negara ini, kebanyakannya dalam sektor elektronik, kejuruteraan, perubatan dan petrokimia.

Pelaburan Jerman di Malaysia merupakan kelima terbesar selepas negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura dan merupakan pelabur Kesatuan Eropah (EU) ketiga terbesar selepas United Kingdom dan Belanda, yang masing-masing merupakan tempat asal British Petroleum (BP) dan Shell.

"Bagaimanapun kebanyakan daripadanya ialah pelaburan semula modal oleh syarikat-syarikat gergasi dari Jerman dan pelaburan daripada syarikat-syarikat kecil dan sederhana adalah kurang," katanya di kedutaan Jerman di sini semasa memberi taklimat kepada wakil-wakil media tempatan yang akan membuat liputan lawatan itu.

Mengenai keberatan SME dari Jerman untuk melabur di Malaysia, Rondorf berkata ia mungkin kerana persaingan daripada negara-negara lain seperti China yang menawarkan kos yang lebih rendah.

"Daripada perspektif Jerman, sebuah syarikat Jerman akan melabur di sesuatu rantau atas dua alasan, satu penembusan pasaran dan dua tenaga buruh kerana tenaga buruh di Jerman adalah yang paling mahal di dunia," katanya.

Mengenai perdagangan, Rondorf menyifatkan hubungan sedia ada sebagai baik dan yakin lawatan itu akan meningkatkan dan memperkukuhkan lagi potensi-potensi dalam hubungan kedua-dua negara.

"Kedua-dua kita adalah negara perdagangan dan kita bergantung kepada ekonomi antarabangsa yang liberal," katanya.

Rondorf berkata perdagangan antara kedua-dua negara telah meningkat lebih daripada yang disaksikan semasa kegawatan ekonomi yang tercetus pada 1997.

"Kita berharap untuk meningkatkan isipadu perdagangan yang kini memihak kepada negara anda," katanya.

Beliau berkata, satu lagi bidang yang kedua-dua negara boleh teroka ialah pertukaran budaya dan pelajar.

Rondorf berkata, adalah baik bagi Malaysia jika ia boleh meningkatkan bilangan penuntutnya di Jerman khususnya dalam sains dan teknologi, di mana ia akan memudahkan usaha memindahkan teknologi dari Jerman ke Malaysia melalui rakyat Malaysia yang dilatih di Jerman.

"Jerman akan berasa gembira untuk berkongsi kepakarannya bersama syarikat-syarikat tempatan dan usahawan-usahawan," katanya.

"Di sebaliknya, kita boleh menjangka lebih ramai rakyat Jerman melawat Malaysia dan ini boleh merangsang pertukaran budaya atas dasar orang-dengan-orang," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga dijadual mengadakan pertemuan dengan

rakan sejawatannya Canselor Gerhard Schroeder dan para pemimpin lain Jerman.

Dalam rangka lawatan itu Dr Mahathir juga dijangka merasmikan bangunan baru kedutaan Malaysia di ibu negara Jerman, Berlin, dan juga akan mengadakan pertemuan bersama ahli-ahli perniagaan Jerman di Munich dan juga Berlin.

Beliau berkata, butir-butir terperinci lawatan itu sedang diatur dan Wisma Putra akan mengumumkannya kemudian.

-- BERNAMA

KHY PR